



SEKUMPULAN kanak-kanak mengutip sampah hanyut yang memenuhi pantai Pulau Ketam di Kuala Perlis, semalam. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

Pantai Perlis jadi lubuk sampah sarap

11 M 26/9/2024 PG 34

Oleh MOHD. HAFIZ

ABD. MUTALIB

hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

KANGAR: Pesisiran pantai sepanjang 2.6 kilometer di negeri ini menjadi lubuk sampah berikutan setiap kali air pasang, sampah sarap dari laut melimpah di jalan raya khususnya antara Kuala Sungai Baru hingga Sungai Padang, Sanglang.

Dianggarkan lebih tiga tan metrik sampah sarap khususnya botol plastik hanyut memenuhi pesisiran pantai berkenaan termasuk tersangkut di batuan tembok pemecah ombak.

Ia bukan sahaja mencemarkan pemandangan di lokasi pelancongan tersebut malah dikhuatiri menyebabkan hidupan marin terus terancam.

Situasi tersebut juga menimbulkan persoalan betapa seriusnya pencemaran laut sejak kebelakangan ini yang memperlihatkan sampah dibuang kembali semula ke darat.

Hasil kajian oleh Pertubuhan Alam Sekitar Sejahtera Malaysia (Grass) Perlis dari 2019 hingga 2023 juga menyaksikan 9.4 tan metrik sampah hanyut khususnya plastik direkodkan di pesisiran pantai Perlis.

Plastik adalah terbanyak direkodkan iaitu 60 peratus dan selebihnya bahan polimer tiruan merangkumi plastik kecil, botol minuman, straw, polisterin, kepingan plastik dan bekas makanan.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Pulau Ketam, Kuala Perlis, semalam mendapati sampah sarap masih memenuhi pesisir-

an pantai termasuk tersangkut di pokok dan celah batu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Koordinator Grass Perlis, Rosnani Nazri berkata, sampah di laut juga bakal memberi kesan atau ancaman kepada hidupan marin seperti ikan dan terumbu karang.

“Mikroplastik juga kini dijumpai dalam banyak hidupan marin seperti kerang-kerangan, penyu dan ikan,” ujarnya.

Katanya, isu sampah hanyut dilihat antara masalah utama di Kuala Perlis dan sepanjang pesisiran pantai ini yang masih sukar dibendung.

“Penduduk dan nelayan juga patut sentiasa menjaga kebersihan rumah dan sungai dengan tidak membuang sampah merata-rata,” katanya.